

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [ KUALA NERUS ]**

**TARIKH** : **20 MAC 2019**

**SOALAN** : Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [ Kuala Nerus ] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian terkini Kerajaan terhadap ratifikasi kesemua enam konvensyen antarabangsa di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Nerus di atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kajian mengenai penyertaan Malaysia ke instrumen-instrumen antarabangsa hak asasi manusia masih giat dijalankan oleh Jawatankuasa Kecil Teknikal yang diterajui oleh Kementerian atau Agensi terlibat.
3. Kerajaan komited untuk meratifikasi instrumen hak asasi manusia yang masih belum ditandatangani. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak akan terburu-buru dalam meratifikasi konvensyen-konvensyen ini, malah akan memastikan perbincangan berterusan secara berkala diadakan dengan semua pemegang taruh, termasuk masyarakat madani.
4. Langkah ini penting bagi memastikan peruntukan-peruntukan sedia ada dalam konvensyen antarabangsa tersebut adalah serasi dan tidak bercanggah dengan undang-undang domestik sedia ada.

Sekian, terima kasih.